

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013**

**5226/1**

**TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 1  
Nov./Dis.**

$1\frac{1}{4}$  jam

**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. **Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.**
2. **Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
3. **Jawab semua bahagian.**
4. **Bahagian A mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 dalam kertas soalan ini.**
5. **Bahagian B mengandungi 20 soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.**
6. **Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan Bahagian A dan 45 minit untuk Bahagian B.**

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	21 – 40	20	
<b>Jumlah</b>		40	

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

**5226/1** © 2013 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



**Bahagian A**

[20 markah]

- 1 Agama Islam mudah diterima oleh manusia kerana ajarannya
  - A dianuti oleh pelbagai bangsa.
  - B sesuai dengan fitrah manusia.
  - C berkembang luas di seluruh dunia.
  - D diakui oleh cerdik pandai agama lain.
  
- 2 Fitrah beragama yang wujud dalam diri manusia akan mendorong akal
  - A berusaha dengan gigih membina tamadun.
  - B bersyukur dengan segala nikmat Allah SWT.
  - C beramal untuk kehidupan di dunia dan akhirat.
  - D berfikir tentang hakikat ketuhanan yang sebenar.
  
- 3 Azali merujuk kepada ilmu Allah SWT yang bersifat
  - A berubah mengikut suasana.
  - B telus dalam semua perkara.
  - C hakiki, qadim, kekal dan mutlak.
  - D sempurna dalam pelbagai bidang.
  
- 4 Antara yang berikut yang manakah tujuan Allah SWT mengurniakan mukjizat kepada nabi dan rasul?
  - A Melindungi keturunan mereka.
  - B Menjadi teladan kepada umatnya.
  - C Membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan.
  - D Menunjukkan kekuasaan sebagai utusan Allah SWT.

“Dialah yang mempunyai Arasy yang besar”

(Maksud ayat 29: surah at-Taubah)

- 5 Arasy dalam maksud ayat di atas merujuk kepada contoh alam
  - A roh.
  - B ghaib.
  - C akhirat.
  - D musyahadah.

- 6 Budaya Islam ialah cara hidup masyarakat yang berteraskan
- A takwa.
  - B amanah.
  - C gaya hidup sihat.
  - D budaya tempatan yang positif.

- Memakai pakaian berfesyen yang menutup aurat.
- Memakan makanan haram ketika darurat.

- 7 Pernyataan di atas ialah contoh
- A thabat.
  - B rukhsah.
  - C murunah.
  - D musawah.
- 8 Antara yang berikut yang manakah kesan **buruk** ajaran sesat terhadap masyarakat?
- A Membatalkan akidah.
  - B Memutuskan tali persaudaraan.
  - C Memiliki jiwa yang tidak tenang.
  - D Melakukan tindakan membunuh diri.
- 9 Antara yang berikut yang manakah tanggungjawab manusia terhadap makhluk yang lain?
- A Membersihkan sungai yang tercemar.
  - B Menyediakan kemudahan air paip kepada pengguna.
  - C Menyediakan sistem saliran yang sesuai kepada petani.
  - D Mempertingkatkan sistem pengangkutan untuk mengelakkan kesesakan.
- 10 Antara yang berikut yang manakah membuktikan al-Quran sebagai petunjuk sepanjang zaman?
- I Kebenarannya tidak boleh diragui
  - II Keindahan gaya bahasanya tidak mampu ditandingi
  - III Kitab yang diturunkan kepada semua nabi dan rasul
  - IV Kandungannya merangkumi seluruh peraturan hidup
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

11 Antara yang berikut yang manakah ciri pemimpin yang dikehendaki menurut Islam?

- A Meminati bidang pengurusan.
- B Mengawal emosi dalam tindakan.
- C Mempunyai kewangan yang kukuh.
- D Mempercayai semua agama di dunia.

- Melaksanakan hukum syariat.
- Memelihara kesucian agama Islam.
- Menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara.

12 Pernyataan di atas menerangkan tanggungjawab

- A mufti.
- B hakim.
- C khalifah.
- D mujtahid.

13 Pengertian pekerjaan dalam Islam ialah

- A kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan yang halal.
- B usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan.
- C melakukan aktiviti untuk mendapatkan pahala daripada Allah SWT.
- D kewajipan yang dilakukan untuk mendapatkan harta.

14 Antara yang berikut yang manakah syarat pekerjaan menjadi ibadat?

- A Meningkatkan mutu barangan yang berkualiti.
- B Mengurangkan kos pengeluaran sesuatu barang.
- C Pekerjaan itu tidak mengganggu kepentingan awam.
- D Pelanggan akan terus melanggan barangan yang dikeluarkan.

15 Antara yang berikut yang manakah cara memperoleh harta secara haram?

- A Bekerja makan gaji.
- B Bekerja sebagai petani.
- C Berniaga barangan runcit.
- D Berurus niaga dalam semua jenis saham.

- 16 Sistem al-Mudharabah amat praktikal kepada pelabur dan pengusaha kerana
- A pelabur dapat mengembangkan hartanya walaupun tiada kepakaran.
  - B pelabur yang mempunyai kepakaran dapat mengembangkan hartanya.
  - C pengusaha yang mempunyai kepakaran dan modal dapat mengembangkan hartanya.
  - D pengusaha yang mempunyai modal dapat mengembangkan hartanya.

- Hukum bunuh kepada pengedar dadah.
- Hukum haram kepada pengklonan manusia.
- Hukum harus menderma organ badan manusia.

- 17 Pernyataan tersebut merujuk kepada
- A ijmak.
  - B qias.
  - C ijtihad.
  - D fatwa.

- Melarang perbuatan zina.
- Mensyariatkan perkahwinan.
- Melaksanakan hukum rejam kepada penzina muhsan.

- 18 Pernyataan di atas ialah cara Islam untuk memelihara
- A akal.
  - B agama.
  - C kesihatan.
  - D keturunan.

- 19 Setiap masalah adalah ujian daripada Allah SWT. Bagaimanakah anda menghadapi ujian tersebut?
- I Bertawakal kepada Allah SWT
  - II Berdoa kepada Allah SWT
  - III Berserah diri kepada nasib
  - IV Muhasabah diri
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

- 20** Antara yang berikut yang manakah ciri masyarakat yang mempunyai jati diri?
- A** Berwawasan dalam kehidupan.
  - B** Bergantung kepada orang lain.
  - C** Bebas mencari harta kekayaan.
  - D** Bertoleransi dalam semua perkara.

**Bahagian B**

[20 markah]

**Soalan 21 hingga Soalan 24**

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Al-Quran	Riak	Harta
Maksum	Takbur	Hadis

21 Sesuatu yang diterima daripada Rasulullah SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan dan pengakuan.



22 Para nabi dan rasul terpelihara daripada melakukan sebarang dosa kecil atau dosa besar serta perkara-perkara yang boleh mencacatkan kemuliaan mereka sebagai utusan pilihan Allah SWT.



23 Anugerah Allah SWT kepada manusia dan ianya boleh dimiliki melalui usaha dan ikhtiar.



24 Menunjuk-nunjuk amalan baik yang telah dilakukannya kepada orang lain dengan tujuan untuk mendapatkan pujian dan sanjungan daripada masyarakat.



**Soalan 25 hingga Soalan 28**

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

al-Wadiah	nafkah	pengakuan
ghaib	kubur	ar-Rahn

25 Alam ..... merupakan tempat sementara menunggu hari akhirat.

26 ..... daripada orang yang didakwa melakukan kesalahan mestilah dibuat secara bebas dalam keadaan waras dan mencapai umur yang ditetapkan oleh syarak.

27 Sistem ..... dilaksanakan dengan pendeposit mengamanahkan wangnya kepada bank untuk disimpan dan pihak bank akan mengeluarkan wang tersebut apabila diminta oleh pendeposit.

28 Tanggungjawab suami ialah memberi ..... kepada isteri dan seisi keluarga untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 29 dan Soalan 30**

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Rabbaniyyah	Syumuliyyah	Waqi'iyah	'Alamiyyah
-------------	-------------	-----------	------------

Konsep Pandangan Hidup Islam	Pengertian	Prinsip
P	Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan dalam Islam adalah bersumberkan wahyu.	Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup.
Q	Islam bersifat praktikal mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.	Praktikal bukan utopia.

Jadual di atas berkaitan dengan konsep pandangan hidup Islam.

1
---

29 P ialah .....

1
---

30 Q ialah .....

**Soalan 31 dan Soalan 32**

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Wajib	Sunat	Harus	Makruh
-------	-------	-------	--------

Hukum	Contoh
R	Memakai pakaian yang digemari tanpa melanggar hukum syarak.
S	Membasuh anggota wuduk melebihi tiga kali.

Jadual di atas berkaitan dengan hukum dan contohnya.

1
---


31 R ialah hukum .....

1
---

32 S ialah hukum .....



Soalan 33 dan Soalan 34 berdasarkan Carta A di bawah.



Carta A

33 T ialah .....


	1
--	---

34 U ialah .....

	1
--	---

Soalan 35 dan Soalan 36

Carta B di bawah merujuk jenis kesalahan dan hukuman yang boleh dijatuhkan hukum hudud.



Carta B

Berdasarkan Carta B di atas,

35 Jenis kesalahan V ialah .....

	1
--	---

36 Jenis kesalahan W ialah .....

	1
--	---

**Soalan 37 hingga Soalan 40**

*Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.*

*Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.*

1
---

- 37** Sikap rakus dan tidak amanah dalam menguruskan alam adalah punca utama berlakunya kerosakan dan bencana alam.

--

1
---

- 38** Antara faktor ketidakupayaan umat Islam menangkis budaya asing kerana mereka mengamalkan budaya tempatan yang positif.

--

1
---

- 39** Langkah untuk mempertingkatkan kualiti kerja dalam Islam ialah dengan sentiasa membuat perancangan yang rapi sebelum melakukan sebarang kerja.

--

1
---

- 40** Islam menggalakkan golongan kaya bersedekah, berkorban dan membantu golongan kaya sahaja.

--

**KERTAS SOALAN TAMAT**

<b>Markah Bahagian B</b>
------------------------------

--

**HALAMAN KOSONG**

**KERTAS JAWAPAN**  
**Bahagian A**

- |    |     |     |     |     |    |     |     |     |     |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-----|-----|-----|-----|
| 1  | (A) | (B) | (C) | (D) | 11 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 2  | (A) | (B) | (C) | (D) | 12 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 3  | (A) | (B) | (C) | (D) | 13 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 4  | (A) | (B) | (C) | (D) | 14 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 5  | (A) | (B) | (C) | (D) | 15 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 6  | (A) | (B) | (C) | (D) | 16 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 7  | (A) | (B) | (C) | (D) | 17 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 8  | (A) | (B) | (C) | (D) | 18 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 9  | (A) | (B) | (C) | (D) | 19 | (A) | (B) | (C) | (D) |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 20 | (A) | (B) | (C) | (D) |

<b>Markah Bahagian A</b>

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Nov./Dis.

2  $\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

5226/2 © 2013 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian insan. [2 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** keistimewaan insan. [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** cara bersyukur dengan penurunan wahyu al-Quran. [2 markah]
- (c) Terangkan **dua** keistimewaan agama Islam. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** kepentingan hadis terhadap al-Quran. [4 markah]
- (e) Senaraikan **empat** contoh pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam. [4 markah]
- 2 (a) Terangkan **dua** prinsip syumuliyah. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** contoh ibadat yang menunjukkan agama Islam bersifat sederhana. [4 markah]

‘Alamiyyah bermaksud Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

- (c) Jelaskan **dua** bukti ajaran Islam bersifat ‘Alamiyyah. [4 markah]
- (d) Murunah bermaksud Islam bersifat tetap dalam prinsip asas, tetapi bersifat luwes atau anjal dalam perkara cabang dan pelaksanaannya.
- (i) Huraikan penyalahgunaan konsep murunah dalam perkara berikut:  
(a) Pakaian [2 markah]  
(b) Solat [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** contoh perkaitan antara thabat dengan murunah. [4 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan **empat** ciri pemimpin menurut Islam. [4 markah]  
(ii) Jelaskan **dua** sebab pemimpin perlu menunaikan tanggungjawabnya. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** tanggungjawab manusia kepada Allah SWT. [4 markah]
- Sistem sosial Islam ialah pergaulan dan hubungan sesama manusia dalam menjalani kehidupan masing-masing.
- (c) (i) Jelaskan **dua** matlamat sistem sosial Islam. [4 markah]  
(ii) Huraikan **dua** akibat mengabaikan tanggungjawab sosial. [4 markah]
- 4 (a) Jelaskan **dua** sebab harta adalah amanah Allah SWT kepada manusia. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** sebab kanak-kanak tidak layak menguruskan harta. [4 markah]
- (c) Terangkan peranan sistem muamalah Islam berikut dalam kehidupan manusia:  
(i) Al-Ijarah [2 markah]  
(ii) Al-Wadiah [2 markah]
- (d) Jelaskan **dua** kebaikan pekerjaan yang halal. [4 markah]
- (e) Huraikan **dua** etika kerja dalam Islam. [4 markah]

- 5 (a) Jelaskan **dua** sebab al-Quran menjadi sumber rujukan utama perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Nyatakan pengertian qadha berserta contohnya. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** keperluan fatwa. [4 markah]
- (d) Antara matlamat perundangan Islam ialah memelihara keturunan. Huraikan **dua** kepentingan memelihara keturunan. [4 markah]
- (e) (i) Apakah maksud hukum wajib? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh hukum wajib. [2 markah]

Isu remaja lari daripada rumah sering dipaparkan melalui media massa hari ini.

- 6 (a) (i) Huraikan **dua** cadangan anda untuk mengatasi masalah di atas. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** kebaikan jika masalah di atas dapat diatasi. [6 markah]
- (b) Huraikan **tiga** sebab perlunya penyelesaian masalah berasaskan Islam. [6 markah]
- (c) Senaraikan **empat** langkah penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]



7 (a) Senaraikan **empat** bentuk pencerobohan harta. [4 markah]

(b) Masyarakat yang mengabaikan sistem muamalah Islam akan menghadapi pelbagai kesan buruk.

Terangkan **dua** kesan buruk tersebut. [4 markah]

Makruh ialah perkara yang sangat digalakkan untuk ditinggalkan. Jika ditinggalkan mendapat pahala.
---

(c) (i) Senaraikan **empat** contoh perkara di atas. [4 markah]

(ii) Huraikan **dua** implikasi sekiranya umat Islam melakukan perkara tersebut. [4 markah]

(d) Penyelesaian masalah secara Islam dan konvensional mempunyai perbezaan yang nyata.

Nyatakan **dua** perbezaan tersebut. [4 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT